

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7

Mesin layan diri IPR terima lebih 10,000 permohonan



RAFIIZI (kiri) bersama Pengarah PPUM, Profesor Dr. Nazirah Hasnan (kanan) ketika memilih makanan di mesin layan diri IPR di PPUM, Kuala Lumpur semalam.

Mesin layan diri IPR terima lebih 10,000 permohonan

KUALA LUMPUR – Sebanyak 10,000 permohonan diterima bagi mesin layan diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah komponen Inisiatif Usahawan Makanan (Insan) selepas empat bulan dilancarkan sejak Februari lalu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, bagaimanapun, 100 mesin pertama telah melalui proses perolehan yang akan diselesaikan pada Jun ini.

Ujarnya, kesemua mesin itu akan diletakkan tertumpu di stesen-stesen Transit Aliran Massa (MRT) selain universiti dan hospital seluruh negara.

"Maklum balas mengenai kemajuan pelaksanaan IPR, ~~untara yang paling banyak kami~~ buku," ujarnya.

terima adalah di bawah Insan sekitar 10,000 orang yang memohon untuk mendapatkan mesin," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Mesin Layan Diri IPR di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), di sini semalam.

Rafizi berkata, pihaknya kini sedang meneliti proses perolehan bagi 4,900 mesin seterusnya.

"Kementerian Kewangan telah meluluskan perolehan tersebut dan akan menjemput syarikat-syarikat yang layak untuk menyediakan baki mesin seterusnya. Proses ini mengambil masa sedikit kerana perlu melalui perolehan secara terbuka," ujarnya.